

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

AAP 300 - UNDANG-UNDANG SYARIKAT

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Soalan-soalan di dalam Bahagian A adalah **WAJIB**. Jawab **TIGA (3)** soalan yang lain daripada Bahagian B. Jawapan anda mesti disokong dengan kes perundangan dan seksyen yang relevan dari Akta Syarikat. Pelajar dibenarkan membawa masuk ke dewan peperiksaan Akta Syarikat 1965.

BAHAGIAN A (Wajib)

1. Ahmad adalah seorang penjual roti canai. Perniagaannya semakin maju dan beliau telah menjualkan perniagaannya kepada sebuah syarikat yang diperbadankan olehnya sendiri iaitu Selasih Sdn. Bhd. (selepas ini disebut Syarikat Selasih) untuk wang berjumlah RM20,000. Harga belian dibayar oleh Syarikat Selasih seperti berikut: RM5,000 dibayar secara tunai; terbitan 5,000 saham-saham yang bernilai RM1 setiap satu dan terbitan debentur yang bernilai RM10,000 (debentur tersebut dijamin oleh cagaran terapung di atas aset Syarikat Selasih). A adalah pemegang saham terbesar Syarikat Selasih dan beliau telah mendapatkan perlindungan insurans untuk aset Syarikat Selasih di atas namanya sendiri. Selepas setahun syarikat itu beroperasi asetnya telah musnah di dalam satu kebakaran.

Dua tahun kemudian Syarikat Selasih telah digulungkan kerana kedudukan kewangannya yang lemah. Pembubar syarikat mendapati bahawa aset syarikat hanya bernilai RM10,000. Memandangkan debentur yang dipegang oleh A mendapat keutamaan daripada pemiutang tanpa dicagar yang lain aset Syarikat Selasih telah digunakan untuk melangsaikan debentur A.

- (a) A telah menuntut pampasan daripada syarikat insurans setelah berlakunya kebakaran yang memusnahkan aset Syarikat Selasih. Nasihatkan pihak insurans sama ada dari segi perundangan ianya perlu memenuhi tuntutan A.

...2/-

- (b) Pemiutang-pemiutang tanpa dicagar tidak berpuashati dan mendakwa bahawa Syarikat Selasih dan A adalah entiti yang sama maka hutang yang terakru kepada mereka mesti diutamakan daripada debentur yang dipegang oleh Ahmad dalam Syarikat Selasih. Nasihatkan pemiutang-pemiutang tentang kedudukan mereka dari segi perundangan.
- (c) Syarikat Selasih adalah satu syarikat di dalam kumpulan syarikat yang sama.
- (i) Terangkan bagaimana prinsip entiti berasingan diaplikasikan untuk syarikat-syarikat di dalam kumpulan syarikat yang sama.
- (ii) Huraikan dengan ringkas bila tirai perbadanan boleh diketepikan untuk syarikat-syarikat di dalam kumpulan syarikat yang sama.

[20 markah]

2. Timah Bhd sebuah syarikat yang terlibat di dalam kegiatan melombong bijih timah telah mengeluarkan satu prospektus yang menjemput permohonan untuk melanggan saham-saham syarikatnya. Prospektusnya mengandungi pernyataan-pernyataan berikut:-

- i) bahawa syarikat Timah telah menemui satu kawasan perlombongan baru yang kaya dengan bijih timah iaitu penemuan baru abad ke-21;
- ii) bahawa sumber tersebut boleh berkekalan untuk tempoh 30 tahun oleh seorang pakar ahli kajibumi;
- iii) bahawa para pelabor boleh menjangka bahawa harga saham akan melambung tiga kali ganda di dalam tempoh tiga tahun

Tiara telah melanggan saham-saham Syarikat Timah Bhd dan telah diperuntukkan saham-saham bernilai RM50,000. Kemudian telah didapati bahawa pernyataan-pernyataan di dalam prospektus adalah salah kerana lombong timah yang dinyatakan sebagai penemuan baru adalah sebenarnya satu lombong lama yang tidak bernilai. Nilai saham seterusnya jatuh. Tiara telah berjumpa anda untuk mendapatkan nasihat tentang:-

- (a) Siapakah yang bertanggung untuk kerugian yang beliau alami dan?;
- (b) Apakah remedi-remedi yang boleh beliau tuntutan?

[20 markah]

...3/-

BAHAGIAN B

3. (a) Terangkan dengan ringkas kandungan dan perbezaan di antara Memorandum dan Artikel Persatuan.
- (b) Artikel Persatuan Syarikat Kepoh Sdn. Bhd telah memperuntukkan bahawa Ghafar yang merupakan seorang pengarah Syarikat Keris Sdn Bhd boleh melantik pengarah syarikat Kepoh Sdn. Bhd. Oleh itu Ghafar telah melantik dirinya sendiri sebagai pengarah Syarikat Kepoh. Syarikat Kepoh merasa tidak berpuashati dengan perlantikan Ghafar. Nasihatkan Syarikat Kepoh sama ada pelantikan tersebut boleh dicabar.
- (c) Jelaskan dengan ringkas 'doktrin ultra vires' dan kesan doktrin ini mengikut Akta Syarikat 1965

[20 markah]

4. Musa adalah Pengarah Pengurus Syarikat Gangsa Sdn. Bhd. A dan B yang merupakan pemegang saham majoriti tidak berpuashati dengan Musa dan ingin menyingkirkannya daripada jawatan pengarah Mereka meminta nasihat anda tentang perkara-perkara berikut. Berikan penjelasan yang ringkas.
- (a) Apakah tanggungjawab dan liabiliti seseorang pengarah?;
- (b) Apakah perkara-perkara yang boleh menyebabkan seseorang pengarah hilang kelayakannya?;
- (c) Apakah peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat untuk melindungi pengarah yang akan disingkirkan?;

[20 markah]

5. Tuliskan nota-nota ringkas tentang mana-mana **tiga (3)** daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Kaedah-kaedah penggulangan syarikat;
- (b) Cagaran tetap dan cagaran terapung;
- (c) Hak-hak pemegang debentur;
- (d) Pengambil-alihan dan penyatuan syarikat

[20 markah]

6. Sejak kegawatan ekonomi berlaku di Malaysia beberapa syarikat telah merujuk kepada seksyen 176 Akta Syarikat. Bincangkan tentang pemakaian seksyen ini di dalam konteks undang-undang syarikat di Malaysia

[20 markah]

---ooo000ooo---